



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “MUHASABAH DIRI MENJELANG AKHIR TAHUN”

29 Disember 2023 / 16 Jamadil Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: **“MUHASABAH DIRI MENJELANG AKHIR TAHUN”**

Firman Allah SWT, ayat 18 surah al-Hasyr:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ رَبَّ اللَّهِ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Bermaksud: Wahai orang yang beriman! bertakwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhan Nya dan meninggalkan larangan Nya) dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakanNya (daripada amalan mereka) untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan) bertakwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan.

Dengan izin Illahi, Insya-Allah pada hari Isnin nanti, kita bakal melangkah masuk ke tahun baharu 2024 Masihi. Sewajibnya kita merafakkan segala kesyukuran ke hadrat Illahi, atas kurniaan nikmat usia dan nikmat kesihatan membolehkan kita menjalani

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



kehidupan pada tahun 2023, serta berpeluang melangkah kaki ke tahun baharu. Mudah-mudahan dengan izin Nya, kita akan dilimpahi nikmat dan rezeki dan disinari cahaya petunjuk menemui jalan yang lurus, **إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ**.

Sebelum dilabuhkan tirai tahun 2023, sebaiknya kita melakukan muhasabah. Muhasabah bermaksud melakukan penilaian dan semakan terhadap diri sendiri, agar kita sedar akan kekurangan diri kita, dan kesilapan yang pernah kita lakukan sama ada secara sedar dan secara sengaja ataupun secara tidak sedar dan secara tidak sengaja. Muhasabah membolehkan seseorang menginsafi ketelanjuran diri, merenung akan kelemahan yang perlu dibaiki, serta kebaikan yang perlu digandakan; dan pada masa yang sama membuat pembetulan serta melakukan perubahan ke arah yang lebih baik.

Sepanjang tahun 2023, apa jua peristiwa yang menimpa ummah, sama ada baik atau buruk, kebahagiaan atau kesedihan, suka atau duka; hendaklah diterima sebagai ketentuan Ilahi yang mengandungi pelbagai hikmah ujian dan pelajaran untuk menguji tahap keimanan insan. Ummah yang bijak ialah ummah yang sentiasa memanfaatkan usia dengan baik tanpa disia-siakan, tidak berputus asa, tidak melihat kegagalan pada masa lalu sebagai penamat jalan, di sebaliknya gigih bangkit melakukan perubahan, berusaha dari hari ke hari untuk memperbaiki sebarang kelemahan dan kekurangan, hingga pada akhirnya berjaya mencipta kejayaan.

### **Jemaah yang dirahmati Ilahi**

Firman Allah SWT, ayat 18 surah al Hasyr yang khatib jadikan rujukan pada awal khutbah, menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba Nya agar sentiasa memerhatikan perbuatan yang pernah dilakukan untuk dinilai dan terus dibaiki sebagai persediaan bagi memperoleh kejayaan dunia dan akhirat. Tahun 2023 Masihi bakal melabuhkan tirai. Tiga hari lagi kita akan melangkah masuk ke Tahun 2024 Masihi. Begitu cepat rasanya waktu berjalan. Rasulullah SAW mengingatkan ummah bahawa pada saat hayat dunia menghampiri ke penghujungnya, masa seakan terasa begitu pantas berlalu seperti mana sabda Baginda:



لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَقَارَبَ الزَّمَانُ ، فَتَكُونُ السَّنَةُ كَالشَّهْرِ ، وَالشَّهْرُ كَالْجُمُعَةِ ، وَتَكُونُ  
الْجُمُعَةُ كَالْيَوْمِ ، وَ يَكُونُ الْيَوْمُ كَالسَّاعَةِ ، وَتَكُونُ السَّاعَةُ كَالضَّرْمَةِ بِالنَّارِ

Bermaksud: “Tidak akan berlaku kiamat sehingga waktu terasa begitu pantas, maka setahun dirasakan seperti sebulan, sebulan dirasakan seperti seminggu, seminggu dirasakan seperti sehari, sehari dirasakan seperti satu jam dan satu jam dirasakan seperti satu sambaran api.”  
(Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Menurut sebahagian ulama, maksud hadis ini membayangkan hilangnya keberkatan masa, kerana manusia lebih cenderung mengerjakan perkara yang tidak mendatangkan faedah serta tidak membangunkan jiwa dan akal. Oleh itu, ummah wajib memastikan setiap detik yang berlalu, dipenuhi dengan amalan soleh yang boleh mendampingkan diri kita dengan Allah SWT, juga melakukan perkara yang mendatangkan faedah selagi hayat dikandung badan.

Rasulullah SAW mengingatkan ummah akan kepentingan beramal kebaikan sebelum tibanya waktu yang membatasi seperti hadis Baginda:

اِغْتَنِمِ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ : شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ ،  
وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ

Bermaksud: Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa muda mu sebelum datang masa tua, masa sihat mu sebelum sakit, masa kaya sebelum datangnya masa sempit (miskin), masa lapang sebelum tiba masa sibuk, dan masa hidup sebelum tiba mati.

### **Mukminin yang dikasihi Illahi**

Semoga dengan ihsan Illahi, kita bukan sahaja dapat melangkah masuk ke tahun baharu, tetapi turut dikurniakan rahmat, rezeki dan kesihatan merentasi perjalanan hidup sepanjang tahun 2024. Mimbar menyenaraikan beberapa kesimpulan dan saranan:

**Pertama:** Melafazkan kesyukuran ke hadrat Illahi yang telah mengurniakan kita usia, rezeki, kesihatan dan pelbagai nikmat Nya.

**Kedua:** Insaf bahawa usia kita semakin tua, ajal kita semakin hampir, oleh itu banyakkkan melakukan yang makruf dengan meningkatkan amal jariah,



beribadah berwakaf, berinfaq dan bersedekah; di samping lebih gigih menjauhkan diri dengan perkara-perkara mungkar dan tabiat-tabiat buruk. Perbanyakkan taubat memohon keampunan Allah SWT akan kesilapan lalu, seterusnya berdoa bersungguh-sungguh memohon taufik dan bimbingan Nya agar dapat istiqamah, dalam ketaatan kepada Nya, menyempurnakan pelbagai ibadah yang difardukan.

**Ketiga:** Lakukan muhasabah diri, dengan mengenal pasti dan menyenaraikan kelemahan dan kekurangan dan amalan soleh dan kegiatan berfaedah yang boleh dilakukan demi kebaikan diri, agama, bangsa dan negara.

**Keempat:** Berazam dan berusaha untuk meningkatkan penguasaan pelbagai ilmu, pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan daya saing agar berupaya mengikuti arus kemajuan dan pembaharuan.

**Kelima:** Dikembangkan segala usaha dan amal dengan iman yang kukuh agar kehidupan lebih seimbang dan mendapat keredaan Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Bimbing kehidupan kami agar setiap saat dimanfaatkan dengan melakukan amal makruf sebagai bekalan menuju ke syurga Mu. Kami mohon agar segala amal kami diterima, dan kami pohonkan keampunan Mu atas segala kecuaiian dan kesilapan disebabkan sifat kami yang lemah.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.